

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI SEMASA
MEMBUKA PAMERAN BAGI SENI LUKIS MALAYSIA
YANG DIPILIH UNTUK PESTA KESENIAN KOMANWEL
DI BALAI SENI LUKIS NEGARA, KUALA LUMPUR
PADA 29 JUN, 1965

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Bersama Khas, Tuan-tuan Yang Terutama, Yang Berhormat Menteri-Menteri, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian:

Saya berasa sangat sukacita dapat hadir di sini pada hari ini mengisytiharkan pembukaan Pameran bagi Seni Lukis Malaysia untuk dinikmati oleh penduduk-penduduk Malaysia iaitu seni lukis yang khas dipilih untuk menjadi pertunjukan Malaysia di Pesta Kesenian Komanwel pada tahun ini.

Dalam Pesta Kesenian Komanwel itu iaitu yang mula-mula sekali diadakan akan ditunjukkan berbagai-bagai corak kesenian. Oleh kerana Pesta itu akan diadakan serentak di London, Liverpool, Glasgow dan Cardiff maka ia telah mendapat satu lagi nama iaitu 'Pesta Empat Bandar Pelabuhan'.

Tujuan Pesta itu ialah hendak menunjukkan kepada dunia bakat-bakat kesenian seluruh Komanwel. Pesta itu dicadangkan supaya diadakan tiga tahun sekali selepas di sebuah, di sebuah lagi ibu kota negeri Komanwel.

Tatkala diminta mengambil bahagian dalam Pesta itu, Kerajaan Malaysia telah memutuskan hendak menghadkan pertunjukan Malaysia kepada kesenian seni lukis sahaja iaitu kerana banyak wang dibelanjakan oleh sebab konfrantasi dari Indonesia.

Maka kita telah membuat keputusan hendak mengambil bahagian dalam Pesta itu adalah tanda kita menghargai kemajuan-kemajuan kesenian di Malaysia semenjak kita mencapai kemerdekaan.

Kerajaan Malaysia telah dijemput menunjukkan lukisan-lukisan dan arca-arca kita yang terbaik sekali di Pesta itu. Yang demikian bermakna-lah karya-karya ahli-ahli kesenian kita telah diakui tinggi mutunya. Kerajaan Malaysia berasa amat megah dengan hal ini.

Kita harap pertunjukan kesenian kita di Pesta itu akan menjadi awal permulaan usaha kita hendak menunjukkan kesenian Malaysia

di seluruh dunia. Kita harap selepas kesenian kita dipamerkan di Glasgow, Dublin dan London itu kita akan dapat menunjukkannya pula di beberapa buah bandar di Eropah.

Oleh kerana memikirkan hal ini sangatlah suka saya kiranya Duta-Duta yang ada di Malaysia ini mengambil berat atas Pameran ini supaya kita dapat membuat rancangan bagi mengadakan pameran di bandar-bandar di Eropah.

Saya maklum iaitu penganjur-penganjur Pameran ini ingin sangat kiranya dapat mengadakan Pameran ini di Amerika Utara dan di Timur Jauh dalam perjalanannya balik ke Malaysia.

Akhirnya sebagai Menteri yang bertanggungjawab atas Pembangunan Negara saya suka hendak mengambil peluang di sini mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli kesenian Malaysia kerana kejayaan mereka yang gemilang dalam lapangan kebudayaan. Sekarang dengan sukacitanya saya mengisytiharkan pembukaan pameran kesenian Malaysia yang permai ini.



Tun Abdul Razak bin Hussein di hari Perasmian Pameran Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur pada 29 Jun, 1965.